**NOTA CUKUP MAKAN TAJUK FOKUS SPM 2023**

**TINGKATAN 5**

**BAB 1 : KEDAULATAN NEGARA**

| **MAKSUD / TAKRIF / KONSEP KEDAULATAN** |
|---|
| -Kekuasaan tertinggi dalam negara<br>-Asas negara merdeka<br>-Kewibawaan pemerintahan<br>-Kebebasan menentukan hala tuju negara<br>-Kedaulatan Undang-undang<br>-Kerajaan diiktiraf oleh negara lain |

| **JENIS KEDAULATAN** | **CIRI NEGARA BERDAULAT** |
|---|---|
| Kedaulatan Tradisional<br>-Sistem pemerintahan yang berkuasa mutlak<br>-Raja merupakan pemerintah tertinggi<br>-Rakyat memberi taat setia kepada Raja<br><br>Kedaulatan Moden<br>-Dikaitkan dengan hak rakyat dan kerajaan berperlembagaan<br>-Wujud sebab semangat nasionalisme<br>-Kedaulatan negara kita melahirkan Persekutan Malaysia 1963<br><br>Kedaulatan Undang-undang<br>-Kerajaan dan rakyat terikat dengan undang-undang<br>-Tujuan menjamin negara aman dan Makmur<br>-Kedaulatan undang-undang prinsip keempat Rukun Negara<br><br>Kedaulatan Antarabangsa<br>-Pengiktirafan PBB kepada sesebuah negara<br>-Sesebuah negara tidak boleh dicabuli oleh negara lain<br>-PBB mengiktiraf negara kita sebagai negara merdeka | Mempunyai Pemerintah<br>-Pemerintah diwujudkan untuk menjaga kestabilan politik<br>-Malaysia mengamalkan sistem Raja Berperlembagaan dan Demokrasi Berparlimen<br>-Ketua Utama Negara -YDPA<br>-Ketua Kerajaan – PM<br><br>Mempunyai Perundangan<br>-Menjadi asas kepada peraturan negara<br>-Menjamin keadilan dan melindungi rakyat<br>-Berpandukan Perlembagaan Persekutuan<br><br>Mempunyai sempadan<br>-Garis pemisah antara negeri dan negara<br>-Malaysia bersempadan dengan negara seperti Thailand dan Indonesia<br>-Penetapan sempadan memudahkan urusan pentadbiran<br><br>Mempunyai rakyat<br>-Rakyat merupakan penduduk dalam negara<br>-Rakyat terikat dengan undang-undang<br>-Rakyat disatukan dengan Bahasa dan Rukun Negara |

| **KEPENTINGAN MEWUJUDKAN NEGARA BERDAULAT** |
|---|
| -Mewujudkan keberkesanan pentadbiran supaya pentadbiran dilaksanakan tanpa campur tangan kuasa asing.<br>-Menjamin kemakmuran ekonomi dengan melaksanakan dasar untuk meningkatkan taraf hidup.<br>-Mewujudkan kesejahteraan sosial supaya dapat memupuk perpaduan kaum melalui Rukun Negara.<br>-Kecemerlangan hubungan luar dengan mengadakan hubungan diplomatik dengan negara luar seperti Jepun dan China . |

CIKGU WAN ARIF

| LANGKAH MEMPERTAHANKAN KEDAULATAN |
| --- |
| -Mewujudkan kestabilan politik dengan memastikan pentadbiran yang cekap untuk melicinkan pentadbiran negara<br>-Memajukan ekonomi negara dengan melaksanakan dasar yang dapat meningkatkan taraf hidup rakyat<br>-Mengukuhkan perpaduan untuk mewujudkan masyarkat yang harmoni melalui penghayatan Rukun Negara<br>-Mengukuhkan pertahanan negara dengan membuat perjanjian pertahanan untuk bersedia menghadapi ancaman |

CIKGU WAN ARIF

**NOTA CUKUP MAKAN TAJUK FOKUS SPM 2023**

**TINGKATAN 5**

**BAB 2 : PERLEMBAGAAN PERSEKUTUAN**

<table>
<tr><th colspan="2">MAKSUD PERLEMBAGAAN</th></tr>
<tr><td colspan="2">-Perlembagaan merupakan undang-undang tertinggi<br>-Menjadi teras pemerintahan sesebuah negara<br>-Merupakan peraturan tertinggi<br>-Panduan dalam pemeritahan negara<br>-Perlembagaan merupakan unsur penting dalam sesebuah negara</td></tr>
<tr><th colspan="2">ASAS PEMBENTUKAN PERLEMBAGAAN</th></tr>
<tr><th>Undang-undang Negeri Melayu</th><th>Undang-undang Inggeris</th></tr>
<tr><td>-Raja sebagai pemerintah<br>-Rakyat memberikan taatsetia<br>-Undang-undang dan sistem pemerintahan ditentukan oleh raja<br>-Undang-undang bertulis negeri Melayu<br>( Hukum Kanun Pahang, Undang-undang Kedah, Undang-undang Johor)</td><td>-British memperkenalkan Undang-undang di Negeri-negeri Selat<br>-Dikenali sebagai Charter Of Justice<br>-Diambil daripada undang-undang yang digubal di England</td></tr>
<tr><th colspan="2">TERMA RUJUKAN DALAM PERJANJIAN 1957</th></tr>
<tr><td colspan="2">-Kerajaan Persekutuan yang kukuh<br>-Menjamin kedudukan Raja-raja Melayu<br>-Menjamin kedudukan istimewa orang Melayu<br>-Parlimen hendaklah ada dua dewan (Dewan Rakyat dan Dewan Negara)<br>-Kewarganegaraan yang sama</td></tr>
<tr><th colspan="2">CIRI UTAMA PERLEMBAGAAN PERSEKUTUAN</th></tr>
<tr><th>Ciri Tradisional</th><th>Ciri Moden</th></tr>
<tr><td>Kesultanan atau Pemerintahan Beraja<br>-YDPA pemerintah tertinggi negara<br>-YDPA berkuasa memberi pengampunan<br>-Pada peringkat negeri , Raja sebagai Ketua Negeri<br><br>Agama Islam<br>-Agama Islam diletak dibawah kuasa raja di negeri masing-masing.<br>-Bagi negeri tidak beraja diletakkan dibawah bidang kuasa YDPA<br>-Agama Islam sebagai agama rasmi<br><br>Bahasa Melayu<br>-Bahasa Melayu dijadikan Bahasa ilmu<br>-Bahasa Melayu dijadikan Bahasa rasmi dan Bahasa Kebangsaan<br><br>Kedudukan Orang Melayu dan Bumiputera<br>-YDPA bertanggungjawab menjaga kedudukan istimewa orang Melayu dan bumiputera.</td><td>Kerajaan Persekutuan<br>-Mewujudkan satu sistem kerajaan Persekutuan<br>-Kerajaan Persekutuan mempunyai bidang kuasa tertentu seperti pertahanan, pelajaran<br><br>Sistem Demokrasi Berparlimen<br>-Tujuan pilihan raya adalah untuk memberi kebebasan kepada rakyat untuk memilih pemimpin dan menubuhkan kerajaan<br>-Suruhanjaya Pilihan Raya melaksanakan pilihan raya supaya dilaksanakan dengan adil<br>-Pilihan raya persekutuan memilih wakil untuk membentuk Kerajaan Persekutuan<br>-Pilihan raya negeri pula memilih wakil untuk membentuk Kerajaan Negeri<br><br>Kewarganegaraan<br>-Rakyat dikategorikan sebagai rakyat raja dan rakyat British<br>-Pembentukan Malaysia melahirkan taraf kewarganegaraan yang sama kpd rakyat</td></tr>
</table>

CIKGU WAN ARIF

| PINDAAN PERLEMBAGAAN PERSEKUTUAN | |
|---|---|
| **PINDAAN 1963** | **PINDAAN 1965** |
| -Dipinda selepas pembentukan Malaysia<br>-Pindaan dibuat untuk memasukkan perkara baharu ikut keperluan semasa | -Dipinda sebab pemisahan Singapura daripada Malaysia<br>-Semua perkara berkaitan dengan Singapura dikeluarkan daripada Perlembagaan Malaysia |
| **KBAT (KESAN JIKA RAKYAT TIDAK MENGHORMATI PERLEMBAGAAN** | |
| RUJUK TEKNIK KBAT PES | |

CIKGU WAN ARIF

**NOTA CUKUP MAKAN TAJUK FOKUS SPM 2023**

**TINGKATAN 5**

**BAB 3 : RAJA BERPERLEMBAGAAN & DEMOKRASI BERPARLIMEN**

| **MAJLIS RAJA-RAJA** |
|---|
| **Keanggotaan Majlis Raja-raja selepas merdeka (Trial SBP)**<br><br>-Terdiri daripada 9 orang Raja-raja Melayu seperti Sultan Kedah , Sultan Kelantan<br>-Termasuk 4 orang Yang Di-Pertua Negeri seperti Yang Di-Pertua Negeri Melaka |
| **Fungsi Majlis Raja-raja (MRR) (Trial SBP) / Kedudukan Majlis Raja-raja dalam Perlembagaan Persekutuan (Trial Kelantan)**<br><br>-Memilih Yang Di-Pertuan Agong dan Timbalan Yang Di-Pertuan Agong<br>-Bersetuju dan tidak bersetuju sebarang undang-undang yang melibatkan persetujuan MRR<br>-Memberi nasihat berkaitan dengan pelantikan jawatan tertentu seperti jawatan Perdana Menteri<br>-Memperkenankan perubahan sempadan negeri<br>-Memperkenankan pindaan perlembagaan bagi perkara tertentu seperti hak istimewa orang Melayu<br>-Mejadi lembaga pengampun bagi kes-kes tertentu |
| **Maksud Raja Berpelembagaan**<br><br>-Pemerintahan beraja mengikut peruntukan Perlembagaan Persekutuan<br>-Terdapat tiga institusi beraja iaitu Yang Di-pertuan Agong , Institusi Beraja dan Majlis Raja-raja<br>-Merupakan sebahagian daripada pentadbiran negara<br>-Raja menjadi tonggak perpaduan<br>-Yang Di-pertuan Agong sebagai Ketua Negara pada peringkat persekutuan<br>-Raja/ Sultan menjadi Ketua Negeri pada peringkat negeri |
| **Cara Pemilihan YDPA (Trial Perlis)**<br><br>-Dipilih dalam kalangan 9 orang raja-raja Melayu<br>-Pemilihan dilaksanakan oleh Majlis Raja-raja<br>-Memegang jawatan YPDA selama 5 tahun secara bergilir-gilir |

CIKGU WAN ARIF

| PERANAN YDPA / BIDANG KUASA YDPA |
|---|
| **Kuasa Eksekutif**<br><br>YDPA melantik Perdana Menteri dan Jemaah Menteri<br>YDPA melantik Menteri-menteri daripada ahli Dewan Rakyat atau Dewan Negara<br>YDPA melantik peguam negara dan Ketua Audit Negara<br>YDPA berkuasa melantik Ahli Suruhanjaya Pilihan Raya<br>YDPA berperanan pemerintah tertinggi seluruh Angkatan Tentera Malaysia<br>YDPA dibantu oleh Majlis Angkatan Tentera untuk mentadbir Angkatan tentera<br>YDPA melantik diplomat Malaysia ke luar negara<br><br>**Kuasa Perundangan**<br><br>YDPA memperkenankan Rang Undang-undang melalui proses pembentangan di Parlimen<br>YDPA berkuasa memanggil parlimen bersidang<br>YDPA berkuasa memberhentikan dan membubarkan parlimen<br>YDPA merupaka Ketua Agama Islam bagi negeri baginda dan negeri tidak beraja<br>YDPA bertanggungjawab melindungi hak istimewa orang Melayu<br>YDPA bertanggungjawab melindungi kepentingan sah kaum lain di Malaysia<br>YDPA boleh membuat pengisytiharan darurat<br><br>**Kuasa Kehakiman**<br><br>YDPA melantik hakim Mahkamah Atasan atas nasihat Perdana Menteri<br>YDPA melantik Ketua Hakim Negara<br>YDPA berkuasa mengampun hukuman yang dikenakan oleh Mahkamah Tentera<br><br>“YDPA = Yang Di-Pertuan Agong” |

SOALAN KBAT

1.Mengapakah insitusi beraja perlu dipertahankan ? (Rujuk KBAT PES)

2.Yang Di-Pertuan Agong tonggak perpaduan. Buktikan.

CIKGU WAN ARIF

| AMALAN DEMOKRASI DAN PENGASINGAN KUASA |
| --- |
| **Amalan Pilihan Raya**<br><br>-Pilihan Raya ialah elemen menandakan wujudnya amalan demokrasi di negara kita.<br>-Pilihan Raya diadakan dalam tempoh lima tahun<br>-Kempen pilihan raya membolehkan rakyat mengenali calon<br>-Rakyat menyemak nama pada daftar pemilih sebelum mengundi<br>-Undian dilakukan dengan menggunakan prosedur yang telus<br>-Undiaan adalah rahsia |
| **Kebebasan Asasi**<br><br>Jelaskan Kebebasan Asasi berdasarkan Perlembagaan Persekutuan (Trial N9)<br><br>Kebebasan Diri<br>-Tiada seorang pun boleh diambil nyawanya kecuali mengikut undang-undang<br><br>Kebebasan Beragama<br>-Islam ialah agama rasmi persekutuan<br>-Agama lain boleh diamalkan dengan aman<br><br>Hak Berkenaan Pendidikan<br>-Semua berhak untuk mendapat Pendidikan tanpa mengira agama atau keturunan<br><br>Kebebasan Bersuara, Berhimpun dan Berpersatuan<br>-Setiap warganegara bebas bersuara dan berhimpun secara aman |
| **Pengasingan Kuasa dalam Pemerintahan di Negara Kita (Trial N9)**<br><br>-Kuasa pemerintahan dibahagikan kepada tiga badan (badan perundangan, eksekutif dan kehakiman)<br>-Kuasa ketiga-tiga badan tersebut ditentukan oleh Perlembagaan Persekutuan<br>-YDPA merupak punca kuasa kepada ketiga-tiga badan tersebut<br><br>**Badan Perundangan / Legislatif**<br>-Badan Perundangan berfungsi menggubal undang-undang<br>-Badan Perundangan berfungsi membuat pindaan undang-undang persekutuan sedia ada<br>-Badan Perundangan berfungsi menyemak dasar kerajaan<br>-Badan Perundangan berfungsi meluluskan perbelanjaan kerajaan<br>-Pada peringkat persekutuan dikenali sebagai Parlimen<br>-Parlimen merupakan lambing demokrasi<br>-Komponen Parlimen terdiri daripada (YDPA, Dewan Rakyat dan Dewan Negara)<br>-Dewan Rakyat dipilih oleh rakyat melalui pilihan raya<br>-Parlimen berfungis melulus dan menggubal undang-undang peringkat persekutuan<br>-Pada peringkat negeri dikenali Dewan Undangan Negeri (DUN)<br>-DUN berfungsi menggubal undang-undang peringkat negeri<br><br>**Badan Eksekutif/ Pelaksana**<br>-Merupakan badan pemerintah yang melaksanakan kuasa eksekutif<br>-Peringkat persekutuan dikenali Jemaah Menteri / Kabinet<br>-Terdiri daripada Perdana Menteri dan Menteri |

CIKGU WAN ARIF

-Contohnya Menteri Kewangan dan Menteri Pendidikan
-Pada peringkat negeri dikenali sebagai Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri
-Peringkat negeri, kuasa eksekutif diletakkan pada Sultan / Raja / Yang Di-pertua Negeri
-Pentadbiran kerajaan negeri diketuai oleh Menteri Besar/Ketua Menteri

**Badan Kehakiman / Judisiari**
-Badan yang bertanggungjawab melaksanakan undang-undang
-Diketuai oleh Ketua Hakim Negara
-Kuasa badan kehakiman dilaksanakan oleh mahkamah
-Hakim mesti bebas daripada pengaruh politik
-Contoh Mahkamah seperti Mahkamah Atasan/ Mahkamah Bawahan / Mahkamah Khas

CIKGU WAN ARIF

**NOTA CUKUP MAKAN TAJUK FOKUS SPM 2023**

**TINGKATAN 5**

**BAB 4 : SISTEM PERSEKUTUAN**

| **KONSEP SISTEM PERSEKUTUAN** |
|---|
| -Penyatuan beberapa buah negeri membentuk persekutuan<br>-Pada tahun 1963, penggabungan 11 buah negeri Tahnah Melayu, Singapura, Sabah dan Sarawak<br>-Persekutuan dinamakan Malaysia<br>-Wujudnya Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri<br>-Pembahagian kuasa dalam Sistem pentadbiran<br>-Kerajaan Persekutuan diketuai oleh Yang Dipertuan Agong |
| **KUASA KERAJAAN PERSEKUTUAN / PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN** |
| -Parlimen berkuasa menggubal undang-undang pada peringkat Persekutuan<br>-Kerajaan Persekutaan diketuai oleh Yang Di-Pertuan Agong<br>-Kuasa Kerajaan Persekutuan termaktub dalam Senarai Persekutuan<br>-Kuasanya meliputi kepentingan nasional<br>-**Perkara yang terkandung dalam Senarai Persekutuan/ Bidang kuasa Persekutuan :**<br>**(Pertahanan, Kewangan, Pelajaran, Perubatan dan Kesihatan, Kewarganegaraan)** |
| **KUASA KERAJAAN NEGERI / PENTADBIRAN KERAJAAN NEGERI** |
| -DUN berkuasa menggubal undang-undang pada peringkat negeri<br>-Kerajaan Negeri diketuai oleh Sultan<br>-Kuasa pemerintahan negeri termaktub dalam Senarai Negeri<br>**-Perkara yang terkandung dalam senarai negeri / Bidang Kuasa Negeri:**<br>**(Undang-undang Islam, Pentadbiran Tanah, Kerajaan Tempatan, Hari Pelepasan Negeri, Pertanian dan Perhutanan )** |
| **SENARAI BERSAMA** |
| -Perkara yang membolehkan Parlimen dan Dun menggubal undang-undang untuk perkara yang sama<br>-Jika berlaku percanggahan, Undang-undang yang diluluskan oleh Parlimen harus dipatuhi<br>**-Perkara yang terkandung dalam Senarai Bersama :**<br>**(Kebajikan Awam, Biasiswa, Perumahan, Kebudayaan dan Sukan)** |

CIKGU WAN ARIF

| KERAJAAN TEMPATAN |
| --- |
| -Merupakan kerajaan peringkat ketiga<br>-Diberi kuasa untuk mentadbir sebuah daerah kecil yang diwartakan<br>-Kerajaan Tempatan dikenali sebagai Pihak berkuasa tempatan<br>-Berada dibawah bidang kuasa Kerajaan Negeri<br>-Merupakan perantaraan antara Kerajaan Negeri dengan rakyat<br>-Terdapat 3 jenis kerajaan tempatan iaitu Majlis Bandaraya, Majlis Perbandaran dan Majlis Daerah<br><br>**Fungsi Kerajaan Tempatan / Pihak Berkuasa Tempatan**<br>-Menyediakan perkhidmatan pembersihan<br>-Mengeluarkan lesen dan kawalan penjaja<br>-Membangunkan perumahan awam<br>-Menyediakan kemudahan awam<br>-Menyelenggara jalan raya<br>-Mengindahkan kawasan |

| FAKTOR YANG MENGUKUHKAN SISTEM PERSEKUTUAN |
| --- |
| Keluhuran Perlembagaan Mengukuhkan Persekutuan<br>-Parlimen dan DUN tidak boleh bertentangan dengan Perlembagaan Persekutuan<br><br>Penyelarasan Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri<br>-Mesyuarat Menteri Besar dan Ketua Menteri<br>-Mesyuarat dipengerusikan oleh Perdana Menteri<br>-Membincangkan pelaksanaan sesuatu dasar yang diputuskan oleh kerajaan |

CIKGU WAN ARIF

**NOTA CUKUP MAKAN TAJUK FOKUS SPM 2023**

**TINGKATAN 5**

**BAB 5 : PEMBENTUKAN MALAYSIA**

| **KONSEP GAGASAN MALAYSIA** |
|---|
| Jelaskan Konsep Gagasan Malaysia<br>-Menggabungkan beberapa bekas tanah jajahan British di Asia Tenggara<br>-Melayu Raya diilhamkan oleh Gerakan Nasionalis<br>-Mahu mendapatkan kemerdekaan wilayah Alam Melayu<br>-Daripada kuasa penjajah British<br>**-Dicadangkan oleh Tunku Abdul Rahman**<br>**-Menggabungkan Persekutuan Tanah Melayu, Sarawak. Sabah , Singapura dan Brunei**<br>**-Merdeka dalam satu sistem Kerajaan Persekutuan** |
| **Huraikan faktor-faktor pembentukan Malaysia / Rasional Idea Pembentukan Malaysia**<br><br>Ancaman Komunis di Singapura<br>-Ancaman komunis di negeri ini telah menggugat keselamatan Persekutuan Tanah Melayu.<br>-Singapura menjadi pusat kegiatan komunis<br><br>Penerimaan Singapura menyebabkan ketidakseimbangan penduduk<br>-antara orang Melayu dengan orang Cina<br>-dibimbangi oleh Tunku Abdul Rahman dan UMNO<br><br>Mempercepatkan Kemerdekaan<br>-Dapat merealisasikan rancangan dekolonisasi<br>-mempercepatkan kemerdekaan wilayah Borneo<br><br>Mempercepatkan pelbagai bidang pembangunan<br>-Meningkatkan taraf hidup peribumi<br>-Pembangunan seperti infrastruktur, sosial dan ekonomi yang lebih seimbang |

| **REAKSI TEMPATAN DAN NEGARA JIRAN TERHADAP PEMBENTUKAN MALAYSIA** | |
|---|---|
| **TEMPATAN** | **NEGARA JIRAN** |
| Persekutuan Tanah Melayu (PTM)<br>-Mendapat sambutan baik daripada penduduk dan parti politik di PTM<br><br>Sarawak<br>-Menentang – BARJASA<br>-Menentang – SNAP / SUPP<br>-Menentang to Sokong - SNAP<br><br>SABAH<br>-Sokong – UNKO, USNO<br>-Menentang-Ingin dapatkan kemerdekaan berasingan (KNNB) | Indonesia<br>-Pada peringkat awal tidak menentang, mengalu-alukan pembentukan Malaysia<br><br>Filipina<br>-Menentang pembentukan Malaysia kerana menuntut wilayah Sabah<br><br>Thailand<br>-Memberi reaksi positif dan menerima idea pembentukan Malaysia |

CIKGU WAN ARIF

| LANGKAH PEMBENTUKAN MALAYSIA (Trial SBP) |
|---|
| **Siri Lawatan**<br>-Tunku Abdul Rahman Putra al-Haj mengadakan lawatan ke Sarawak dan Brunei<br>-Kerajaan Persekutuan Tanah Melayu mengatur lawatan pemimpin Sabah dan Sarawak ke PTM<br>-Lawatan Tunku Abdul Rahman Putra al-Haj ke Sarawak dan Sabah<br><br>**Jawatan Kuasa Setia KAwan Malaysia (JSKM)**<br>-Ditubuhkan ketika Persidangan Ahli-ahli Parlimen Komanwel di Singapura<br>-Terdiri daripada wakil pemimpin dari PTM, Singapura, Sabah dan Sarawak<br>-Mesyuarat diadakan 4 kali<br>-Tujuannya untuk meyakinkan penduduk Sabah dan Sarawak tentang pembentukan Malaysia<br>-Tujuan seterusnya, mengumpul pandangan tentang pembentukan Malaysia<br>-Tujuan Seterusnya, menyebarkan maklumat berkaitan dengan Malaysia<br><br>**Referendum Singapura**<br>-Keputusan referendum, rakyat Singapura bersetuju bergabung membentuk Malaysia<br><br>**Rundingan London**<br>-Rundingan pembentukan Malaysia diadakan di London antara kerajaan Persekutuan Tanah Melayu dengan Kerajaan British<br><br>**Suruhanjaya Cobbold**<br>-Terdiri daripada wakil yang dilantik oleh kerajaan British dan PTM<br>-Lord Cobbold dilantik menjadi pengerusi<br>-Melawat 35 pusat lawatan<br>-Menyerahkan laporan kepada kerajaan British dan PTM<br>-Hasil laporan , 2/3 penduduk menyokong pembentukan Malaysia<br>-Hasil laporan, mencadangkan kuasa autonomi diberikan kepada Sabah dan Sarawak<br><br>**Pembentukan Jawatan Kuasa Antara Kerajaan**<br>-Diwakili kerajaan British, Persekutuan Tanah Melayu, Sarawak dan Sabah<br>-Tujuan untuk menyediakan rangka perlembagaan untuk melindungi kepentingan Sabah dan Sarawak<br>-Mempunyai lima jawatankuasa kecil seperti Perlembagaan, Kewangan dan Perkhidmatan Awam<br>-Mesyuarat pertama diadakan di Kota Kinabalu<br>-Mesyuarat terakhir diadakan di Kuala Lumpur<br>-Sistem Pendidikan di Sabah dan Sarawak kekal dibawah kerajaan Persekutuan |
| **INTIPATI PERJANJIAN MALAYSIA 1963** |
| -Tarikh pembentukan Malaysia adalah 31 Ogos 1963<br>-Sarawak, Sabah dan Singapura akan menjadi ahli dalam Persekutuan Malaysia<br>-Kerajaan British mengiktiraf kedaulatan Sarawak, Sabah dan Singapura dalam Malaysia<br>-Memberi kelebihan kepada Sabah dan Sarawak untuk membentuk Kabinet negeri<br>-Penduduk Sabah dan Sarawak mendapat pengiktirafan sama seperti orang Melayu |

CIKGU WAN ARIF

| KONFRONTASI DAN USAHA MENANGANI (KONFRONTASI INDONESIA) |
| --- |
| **Peristiwa Penentangan / bentuk penentangan / dasar konfrontasi Indonesia**<br><br>-Melancarkan Slogan 'Ganyang Malaysia"<br>-Tentera Indonesia melancarkan serangan gerila di Sarawak<br>-Pendaratan gerila di Johor<br>-Gerila Indonesia ditahan oleh pasukan tentera Malaysia |
| **Usaha / Langkah / Tindakan / Bagaimanakah untuk menamatkan konfrontasi**<br><br>Menggunakan cara diplomatic<br>-Isu serangan dibawa ke Majlis Keselamatan PBB<br>Menghadiri rundingan di Manila<br>-Malaysia diwakili oleh Muhammad Ghazali Shafie<br>Tunku Abdul Rahman bertemu dengan Presiden Seokarno di Tokyo<br>-Menerangkan tujuan pembentukan Malaysia |
| **Kesan / Impak Konfrontasi kepada negara yang terlibat**<br><br>-Hubungan diplomatic yang terjalin sekian lama terputus<br>-Mencetuskan perbalahan kedua-dua negara<br>-Mewujudkan ketidakstabilan serantau<br>-Menjejaskan kegiatan ekonomi serantau<br>-Menjatuhkan imej negara<br><br>***Boleh rujuk juga Teknik KBAT PES** |

CIKGU WAN ARIF

**NOTA CUKUP MAKAN TAJUK FOKUS SPM 2023**

**TINGKATAN 5**

**BAB 6 : CABARAN PEMBENTUKAN MALAYSIA**

| **CABARAN DALAMAN MALAYSIA** |
|---|
| **Cabaran yang Dihadapi oleh Malaysia** |
| Cabaran Pembangunan dan Sosioekonomi di Sarawak dan Sabah<br>Mempelbagaikan Kegiatan Ekonomi<br>-Sarawak dan Sabah kaya dengan hasil bumi tetapi masih mengamalkan ekonomi sara diri<br>-Kerajaan mempelbagaikan kegiatan pertanian komersial seperti getah dan kepala sawit<br><br>Memajukan sistem pengangkutan dan perhubungan<br>-Saiz negeri yang besar memberi cabaran dalam bidang pengangkutan dan perhubungan<br>-Kedua-dua negeri masih bergantung kepada pengangkutan air<br><br>Memajukan sistem Pendidikan<br>-Sekolah hanya wujud di kawasan bandar<br>-Penduduk pedalaman tidak mendapat Pendidikan secukupnya<br><br>Cabaran Politik di Sarawak<br>-Undi tidak percaya terhadap Ketua Menteri Sarawak<br>-Kesannya politik di Sarawak tidak stabil<br><br>Cabaran Perpaduan Kaum<br>-Penduduk di negara kita mempunyai pelbagai kaum seperti Melayu, Cina, India, Iban<br>-Jarak antara semenanjung Malaysia dengan Sabah dan Sarawak yang jauh sukar untuk mewujudkan perpaduan kaum dan integrase nasional |

| **PEMISAHAN SINGAPURA (Trial Terengganu)** | |
|---|---|
| FAKTOR PEMISAHAN | KRONOLOGI / PROSES / PERISTIWA PEMISAHAN |
| Politik<br>-L.K. Yew tidak berpuas hati dengan peranan kerajaan Singapura yang terhad<br>-Konflik antara pemimpin PAP dgn Perikatan<br>-Kempen Malaysian Malaysia<br>-Menuntut hak sama rata untuk semua kaum<br><br>Ekonomi<br>-Menuntut pembukaan pasaran Bersama<br>-Singapura tidak berpuas hati dengan cadangan tambahan cukai<br>-Singapura mengenakan kadar faedah yang tinggi terhadap pinjaman kpd Kerajaan Persekutuan<br><br>Sosial<br>-Masalah rusuhan kaum kerana menuntut hak sama rata untuk semua kaum<br>-Menjadi isu antara kaum | 1.Kegagalan rundingan L.K.Yew dengan Tun Abdul Razak Hussein<br>2.Seterusnya, Tunku Abdul Rahman Putra al-Haj mengarahkan Tun Abdul Razak Hussein bermesyuarat dengan beberapa Menteri<br>3.Tujuan mesyuarat membincangkan tentang pemisahan Singapura<br>4.Mesyuarat Khas Kabinet Malaysia bersetuju dengan rancangan pemisahan<br>5.Tunku Abdul Rahman Putra al-Haj dan L.K.Yew menandatangani pesetujuan untuk Singapura keluar daripada Malaysia<br>6.Usul pemisahan Singapura dibawa ke Parlimen.Parlimen meluluskan Rang Undang – undang pemisahan Singapura |

CIKGU WAN ARIF

**TRAGEDI HUBUNGAN ANTARA KAUM / RUSUHAN KAUM / PERISTIWA 13 MEI 1969**
**(Trial Kelantan / N9)**

**Faktor / Sebab / Punca tercetusnya rusuhan kaum**

-ketidak seimbangan ekonomi dan sosial negara
-Keadaan dan keputusan Pilihan Raya 1969
-Ketegangan dalam kempen pilihan raya
-Parti politik berkempen menggunakan isu sensitive seperti perkauman dan agama
-Perarakan kemenangan pilihan raya tidak terkawal
-PKM mempengaruhi penduduk supaya bermusuh antara kaum

**Langkah / Usaha / Tindakan untuk mengatasi Peristiwa Rusuhan Kaum**

Pengisytiharan perintah darurat
-Perlembagaan digantung dan Parlimen ditangguhkan
-Semua berita daripada pihak media ditapis

Penubuhan MAGERAN
-MAGERAN diberi kuasa untuk memerintah semasa darurat
-Dua focus utama MAGERAN ialah masalah perpaduan kaum dan ketidakseimbangan ekonomi antara kaum
-Antara peranan/ tanggungjawab MAGERAN
  -Mengembalikan keamanan dan undang-undang
  -Menentukan pentadbiran yang licin dalam negara
  -Menggantung sementara penerbitan semua akhbar
  -Menguatkuasakan Akta Hasutan 1948
  -Jabatan Penerangan menapis berita palsu

Peranan Raja
-Sultan Perak menasihati rakyat supaya menjaga keamanan
-Raja Melayu meminta rakyat bertenang supaya negara aman

**Contoh Soalan KBAT**

1.Mengapakah keharmonian antara kaum di negara kita dikekalkan
2.Apakah pengajaran/iktibar yang berkaitan dengan peristiwa rusuhan kaum
3.Langkah untuk mewujudkan perpaduan kaum di negara kita.

RUJUK TEKNIK MENJAWAB KBAT

CIKGU WAN ARIF

**NOTA CUKUP MAKAN TAJUK FOKUS SPM 2023**

**TINGKATAN 5**

**BAB 7 : MEMBINA KESEJAHTERAAN NEGARA**

| **PERPADUAN DAN INTEGRASI NASIONAL** | |
|---|---|
| **Maksud Perpaduan Kaum** | **Maksud Integrasi Nasional** |
| -Keadaan rakyat daripada pelbagai kaum yang hidup dengan aman dalam masyarakat yang Bersatu<br>-Memberi komitmen sepenuhnya kepada identity kebangsaan<br>-Berlandaskan prinsip Rukun Negara | -Satu proses merapatkan hubungan masyarakat antara negeri dengan wilayah<br>-Bagi membentuk satu bangsa<br>-Mereka mempunyai identity sendiri berteraskan Rukun Negara |
| **Kesan Dasar British**<br><br>-Dasar British yang membawa masuk buruh dari luar menyebabkan masalah perkauman<br>-Kegiatan ekonomi yang berbeza antara kaum menyebabkan setiap kaum kurang berinteraksi<br>-Kemunculan sistem Pendidikan Vernakular menyebabkan perbezaan pemikiran antara kaum<br>-Fahaman politik yang berbeza antara kaum menyebabkan perjuangan kepentingan kaum sendiri. | |
| **Alat Perpaduan**<br><br>-Sistem Pendidikan yang seragam<br>-Dasar Kebudayaan Kebangsaan<br>-Sukan sebagai alat perpaduan<br>-Bahasa Melayu sebagai Bahasa Ilmu<br>-Rukun Negara | |
| **BAHASA MELAYU SEBAGAI BAHASA ILMU DAN BAHASA PERPADUAN** | |
| **Langkah untuk mengukuhkan/memartabatkan kedudukan Bahasa Melayu sebagai Bahasa Kebangsaan**<br><br>Bahasa Melayu sebagai Bahasa rasmi pentadbiran<br>-Dijadikan alat komunikasi rasmi di premis kerajaan<br>-Contonnya, Bahasa Melayu digunakan di mahkamah<br><br>Memperkasakan Bahasa Melayu dalam Sistem Pendidikan<br>-Sekolah menengah yang menggunakan Bahasa Melayu sebagai Bahasa pengantar<br><br>Penubuhan Universiti Kebangsaan Malaysia<br>-Memperkenalkan kursus pengajian dalam Bahasa Melayu<br><br>Penubuhan Dewan Bahasa dan Pustaka<br>-Mengembangkan aktiviti Bahasa sebagai alat Pepaduan<br><br>Penggunaan Slogan Bahasa Jiwa Bangsa<br><br>Mengadakan Minggu dan Bulan Bahasa Kebangsaan | |

CIKGU WAN ARIF

.

| RUKUN NEGARA (Trial Terengganu) |
|---|
| **Maksud Rukun Negara**<br>-Ideologi negara<br>-Usaha kerajaan untuk membimbing rakyat kea rah perpaduan<br>-Merupakan susunan prinsip hidup masyarakat<br>-Mempunyai lima prinsip<br>-Dianggap sebagai falsafah hidup rakyat Malaysia |
| **Matlamat Rukun Negara**<br><br>-Mewujudkan negara yang Bersatu<br>-Membina satu masyarakat yang adil<br>-Melahirkan masyarakat yang progresif<br>-Mewujudkan masyarakat yang liberal terhadap kepelbagai budaya<br>-Memelihara hidup masyarakat yang demokratik |
| **Prinsip Rukun Negara**<br><br>1.Kepercayaan Kepada Tuhan<br>-Agama menjadi panduan hidup<br>-Dapat membentuk keperibadian yang baik<br>-Di Malaysia, agama Islam merupakan agama ramsi, agama lain boleh diamalkan dgn aman<br><br>2.Kesetiaan Kepada Raja dan Negara<br>-Negara mengamalkan konsep Raja Berperlembagaan<br>-Raja menjadi simbol perpaduan rakyat berbilang kaum<br><br>3. Keluhuran Perlembagaan<br>-Keagungan undang-undang<br>-Memberi hak dan perlindungan kepada semua masyarakat<br><br>4.Kedaulatan Undang-undang<br>-Setiap rakyat perlu menghormati undang-undang<br>-Rakyat bertanggungjawab memelihara kedaulatan undang-undang<br><br>5.Kesopanan dan Kesusilaan<br>-Setiap rakyat perlu bersopan santun dan berakhlak mulia<br>-Menjamin hubungan baik setiap kaum dipelihara |
| **Bagaimanakah Rukun Negara Mampu merealisasikan/mewujudkan perpaduan (KBAT)**<br><br>-Seseorang yang patuh kepada ajaran agama mempunyai akhlak yang baik<br>-Rakyat perlu sentiasa bersyukur dengan nikmat yang diberikan oleh tuhan<br>-Kedaulatan undang-undang menjamin keadilan dalam negara<br>-Semua masyarakat sama disisi undang-undang<br>-Perlembagaan bertanggungjawab menjaga hak rakyat<br>-Rakyat perlu bersopan santun dalam kehidupan<br>-Menghormati kebudayaan dan adat resam kaum lain |

CIKGU WAN ARIF

NOTA CUKUP MAKAN TAJUK FOKUS SPM 2023

**TINGKATAN 5**

**BAB 8 : MEMBINA KEMAKMURAN NEGARA**

| **DASAR PEMBANGUNAN NASIONAL (DPN)** |
|---|
| **Matlamat / Objektif DPN / DEB (Trial SBP)** |
| -Mencapai perpaduan dan kerjasama kaum<br>-Membasmi kemiskinan dengan menambah peluang pekerjaan<br>-Menyusun semula masyarakat untuk menghapuskan kaum mengikut fungsi ekonomi<br>-Pembangunan seimbang antara negeri / antara bandar dengan luar bandar<br>-Malaysia mencapai taraf negara maju |
| **Usaha / Strategi DPN untuk mencapai matlamat** |
| Ekonomi<br>-Penglibatan aktif pihak swasta dalam pembangunan ekonomi negara<br>-Melaksanakan program penanaman semula<br>-Penggunaan sains dan teknologi<br>-Meningkatkan pemilikan saham bumiputera<br><br>Sosial<br>-Memberi insentif serta kemudahan Pendidikan tanpa mengira kaum<br>-Mewujudkan masyarakat perdagangan dan perindustrian bumiputera<br>-Membentuk masyarakat yang berdisiplin dan progresif<br><br>Kemudahan Fizikal dan Alam Sekitar<br>-Menyediakan dan menambah baik kemudahan asas<br>-Pembangunan mapan tanpa mengabaikan alam sekitar |
| **Pelaksanaan DPN** |
| -Pemberian subsidi kepada golongan penanam padi dan nelayan<br>-Golongan belia diberi latihan di agensi kerajaan seperti Giat Mara<br>-Melibatkan golongan bumiputera dalam sector moden seperti pembuatan<br>-Melibatkan penyertaan bumiputera dalam IKS<br>-Memberi latihan dalam bidang pengurusan harta<br>-Pemberian lessen dan kouta kepada perniagaan milik bumiputera<br>-Melaksanakan program penswastaan<br>-Menubuhkan MARA untuk kemajuan ekonomi orang Melayu<br>-Menubuhkan MARDI untuk memajukan kegiatan pertanian<br>-Melaksanakan pertanian pintar – penggunaan Drone |

**Contoh Soalan (Trial SBP)**

Apakah matlamat Dasar Pembangunan Nasional (DPN)

**Contoh Jawapan Penuh**



CIKGU WAN ARIF

Matlamat Dasar Pembangunan Nasional ialah untuk mencapai perpaduan dan kerjasama kaum. Seterusnya, matlamat DPN ialah membasmi kemiskinan dengan menambah peluang pekerjaan.

**Pencapaian DPN / DEB (Trial SBP)**

**Aspek Sosial**

Penurunan Kadar Kemiskinan
-Mempelbagaikan kegiatan ekonomi untuk membuka peluang pekerjaan
-Dapat menambah pendapatan isi rumah
-Taraf hidup rakyat meningkat

Peningkatan Kualiti Hidup
-Tahap kesihatan rakyat semakin baik
-Penyediaan infrastruktur seperti klinik dan hospital

Pembangunan Pendidikan
-Pertambahan institusi Pendidikan milik negara
-muncul graduan dalam bidang sains dan teknologi

Perkembangan Wilayah
-Kemunculan bandar baharu
-Dilengkapi dengan pelbagai kemudahan seperti hospital dan bank

**Aspek Ekonomi (Bukti Negara Kita mencapai taraf negara maju melalui DPN)**

Perkembangan Perindustrian Berteknologi Tinggi
-Peindustrian melibatkan penggunaan jentera moden
-Contohnya , HICOM

Perkembangan Kawasan Perindustrian Baharu
-Sekitar kawasan perindustrian dibangunkan bandar terancang
-Contohnya, Taman Teknologi Kulim

Pengenalan Kenderaan Buatan Malaysia
-Penubuhan industry kereta temapatan seperti PROTON dan PERODUA
-Dapat mewujudkan banyak peluang pekerjaan

Pemodenan dalam bidang pertanian
-Hasil pertanian dapat dieksport
-Dapat meningkatkan pendapatan negara

CIKGU WAN ARIF

**Contoh Soalan (Trial SBP)**

Bagaimanakah pencapaian DPN membawa perubahan kepada kemajuan ekonomi dan taraf hidup penduduk.

**Contoh Jawapan Penuh**

Disediakan oleh Cikgu Wan Arif

Pencapaian DPN membawa perubahan kepada kemajuan ekonomi dan taraf hidup penduduk ialah penurunan kadar kemiskinan. Hal ini demikian , mempelbagaikan kegiatan ekonomi untuk membuka peluang pekerjaan.

CIKGU WAN ARIF

NOTA CUKUP MAKAN TAJUK FOKUS SPM 2023

**TINGKATAN 5**

**BAB 9 : DASAR LUAR MALAYSIA**

| **MATLAMAT PENGGUBALAN DASAR LUAR** |
|---|
| -Mempertahankan kedaulatan dan kemerdekaan negara<br>-Melindungi kepentingan nasional<br>-Mempertahankan dan memajukan kepentingan Malaysia<br>-Memupuk hubungan baik dengan negara luar<br>-Menghadapi cabaran politik, ekonomi dan sosial |
| **FAKTOR PENGGUBALAN DASAR LUAR MALAYSIA** |
| Ikatan Sejarah<br>-Ikatan sejarah dengan negara serantau seperti Thailand, Singapura, Indonesia<br><br>Keperluan Nasional<br>-Menjaga kebajikan rakyat Malaysia yang berada di luar negara sekiranya diperlukan<br><br>Kepimpinan<br>-Kebijaksanaan dan kebolehan pemimpin dalam menentukan halatuju negara |
| **CABARAN POLITIK DALAM MENGUKUHKAN DASAR LUAR MALAYSIA** |
| Cabaran politik antarabangsa<br>-Mengamalkan dasar berkecuali tanpa mengira ideologi<br>-Contohnya, menjalinkan hubungan dengan negara China<br><br>Cabaran Politik Serantau<br>-Berlaku kebanjiran pendatang asing Vietnam di Asia Tenggara<br>-Perluasan komunis di Indochina menyebabkan rantau Asia Tenggara tidak stabil |

CIKGU WAN ARIF

| PERTUBUHAN BANGSA-BANGSA BERSATU (PBB) |
|---|
| **Latarbelakang PBB**<br>-Ditubuhkan pada tahun 1945<br>-Matlamat untuk mengekalkan keamanan dan kestabilan dunia<br>-Malaysia menyertai PBB sejak negara mencapai kemerdekaan |
| **Penglibatan / Sumbangan / Komitmen / Peranan / Kerjasama Malaysia dalam PBB**<br><br>Mendukung Piagam PBB<br>-Tidak campur tangan dalam urusan hal ehwal negara lain<br><br>Terlibat dalam Agensi PBB<br>-Menyertai WHO (Pertubuhan Kesihatan Sedunia )<br>-Menyertai Majlis Keselamatan merupakan badan penting PBB<br><br>Terlibat dalam misi pengaman<br>-Dijalankan di negara berkonflik<br>-Contohnya, di Somalia dan Kemboja<br><br>Terlibat menjadi pasukan pemerhati<br>-Berperanan menjadi jurubahasa di negara berkonflik<br>-Contohnya, di Iraq dan Congo<br><br>Penglibatan Tokoh Malaysia dalam PBB<br>-Tokoh Malaysia memberi pandangan dan pendapat dalam forum PBB |
| **KOMANWEL** |
| **Penglibatan / Sumbangan / Komitmen / Peranan / Kerjasama Malaysia dalam Komanwel**<br><br>Kerjasama Pertahanan<br>-Negara Komanwel seperti Britain memberi komitmen terhadap pertahanan negara<br><br>Kerjasama Ekonomi<br>-Negara Komanwel merupakan rakan dagang utama Malaysia<br>-Komoditi utama negara dieksport ke negara Komanwel<br><br>Sukan Komanwel<br>-Sukan kedua terbesar di dunia<br>-Diadakan 4 kali setahun<br>-Tujuan untuk mengeratkan hubungan antara negara anggota<br><br>Rancangan Colombo<br>-Rancangan pembangunan ekonomi dan sosial<br>-Tujuan untuk menangani masalah kemiskinan di negara anggota<br><br>Penentangan Dasar Aparteid<br>-Penentang hak seseorang berdasarkan warna kulit |
| Faedah / Manfaat yang Diperolehi Malaysia melalui penglibatan dalam Komanwel<br>-Rujuk Teknik KBAT PES |

CIKGU WAN ARIF

| PERSATUAN NEGARA-NEGARA ASIA (ASEAN) |
|---|
| **Latarbelakang Penubuhan ASEAN**<br><br>-Gabungan pertama Melibat 3 negara<br>-iaitu Malaysia, Filipina dan Thailand<br>-Seterusnya menubuhkan MAPHILINDO (Malaysia , Filipina dan Indonesia)<br>-Tujuan untuk selesaikan isu pembentukan Malaysia<br>-MAPHILINDO gagal<br>-Seterusnya, ASEAN ditubuhkan<br>-ASEAN terdiri daripada 10 negara anggota<br>-Contohnya Malaysia, Thailand, Indonesia, Filipina |
| **Penglibatan / Sumbangan / Komitmen / Peranan / Kerjasama Malaysia dalam ASEAN**<br><br>Menyelesaikan konflik serantau<br>-Menyelesaikan konflik politik di Kemboja berkaitan ancaman komunis<br><br>Mewujudkan kerjasama ekonomi<br>-Contohnya, Projek Industri ASEAN<br>-Malaysia mempromosikan ekonomi ASEAN<br>-Penggunaan Matawang ASEAN<br>-Kawasan perdagangan bebas ASEAN<br><br>Mewujudkan Kerjasama Sosial<br>-Mengadakan kerjasama dalam bidang Pendidikan<br>-Contohnya pertukaran pelajar antara negara anggota<br>-Kerjasama dalam bidang sukan<br>-Contohnya Sukan SEA untuk eratkan hubungan antara negara anggota<br><br>Mewujudkan Zon Aman, Bebas dan Berkecuali (ZOPFAN)<br>-Mendapat pengiktirafan kuasa besar dunia seperti Amerika Syarikat |
| **PERGERAKAN NEGARA-NEGARA TANPA PIHAK (NAM)** |
| **Penglibatan / Sumbangan / Komitmen / Peranan / Kerjasama Malaysia dalam NAM**<br><br>Menjadi tuan rumah persidangan NAM ke 13<br>-Menyuarakan isu serangan Amerika Syarikat terhadap Iraq<br><br>Peranan dalam Politik<br>-Menyatakan penentangan terhadap isu pencerobohan hak asasi manusia<br><br>Melaksanakan Dasar Keamanan dan Berkecuali<br>-Bersuara meminta agar rantau Asia Tenggara diterima sebagai sebuah kawasan berkecuali<br>-Meminta negara kuasa besar seperti China tidak campur tangan dalam rantau Asia Tenggara<br>-Mengharamkan senjata nuclear di rantau Asia Tenggara |

CIKGU WAN ARIF

| PERTUBUHAN KERJASAMA ISLAM (OIC) |
|---|
| **Latarbelakang OIC**<br><br>-Dianggotai oleh 57 buah negara<br>-Memperjuangkan kepentingan umat Islam diseluruh dunia<br>-Tunku Abdul Rahman Putra al-Haj dilantik Setiausaha Agung Pertama OIC<br>-Membangkitkan isu berkaitan dengan masyarakat islam seperti Isu Palestin |
| **Penglibatan / Sumbangan / Komitmen / Peranan / Kerjasama Malaysia dalam OIC**<br><br>Perlantikan Setiausaha Agung Pertama<br>- Tunku Abdul Rahman Putra al-Haj dilantik Setiausaha Agung Pertama OIC<br>-Memegang jawatan selama 4 tahun<br>-Memastikan masyarakat Islam diseluruh dunia mendapat pembelaan<br><br>Perlantikan sebagai Pengerusi OIC<br>-Tun Abdullah Ahmad Badawi dilantik pengerusi OIC<br>-Menolak tomahan masyarakat Islam dikaitkan dengan keganasan, kemiskinan dan kemunduran<br><br>Memberi penekanan pembangunan Pendidikan<br>-Membantu memberi biasiswa kepada pelajar negara anggota OIC<br>-Membantu penubuhan UIAM<br><br>Menangani Isu Politik Negara Islam<br>-Menyokong perjuangan rakyat Palestin<br>-Menyelesaikan konflik Iran-Iraq<br><br>Pembangunan ekonomi negara anggota OIC<br>-Menyertai Bank Pembangunan Islam untuk mendapat pinjaman |

CIKGU WAN ARIF

## NOTA CUKUP MAKAN TAJUK FOKUS SPM 2023

**TINGKATAN 5**

**BAB 10 : KECEMERLANGAN MALAYSIA DIPERSADA DUNIA**

| **PENGLIBATAN RAKYAT DALAM ISU KEMANUSIAAN DAN KEAMANAN** |
|---|
| Sebab / Mengapakah Malaysia terlibat dalam isu Kemanusiaan dan Keamanan<br><br>-Menonjolkan rakyat Malaysia dalam pertubuhan antarabangsa<br>-Membela masyarakat yang tertindas<br>-Melibatkan dalam aktivit sukarelawan<br>-Membantu golongan yang tidak bernasib baik<br>-Menghulurkan bantuan kepada negara yang ditimpa bencana alam<br>-Terlibat dalam misi kemanusiaan |
| Peranan / Sumbangan / Komitmen / Penglibatan Malaysia dalam Isu Kemanusiaan dan Keamanan<br><br>Menegakkan isu Palestin kepada rakyat Palestin<br>-Disuarakan oleh semua Perdana Menteri Malaysia<br>-Memastikan keadilan dan hak rakyat Palestin<br><br>NGO Aman Palestin<br>-Giat membantu Palestin secara sistematik<br>-Menyalurkan bantuan kebajikan dan sumbangan kepada orang ramai<br><br>Rakyat Malaysia menyatakan sokongan kepada Palestin<br>-Menubuhkan Tabung Palestin<br>-Menghantar bantuan perubatan dan makanan ke Palestin<br><br>Malaysia memberi bantuan dan sokongan kepada rakyat Syria<br>-Sedia menerima 300 orang pelarian Syria secara sukarela<br><br>Malaysia memberi bantuan keadaan Aceh dan Sri Lanka sewaktu bencana Tsunami<br>-Bantuan perubatan dan makanan diberikan kepada Aceh dan Sri Lanka |
| Sebab / Faktor / Punca / Mengapakah konflik berlarutan (Boleh rujuk Teknik KBAT PES)<br><br>-Badan dunia seperti PBB tidak memberi perhatian kepada konflik negara seperti Isu Palestin<br>-Tiada ketegasan serta kesepakatan dalam kalangan pemimpin dunia untuk selesaikan konflik<br>-Sikap membisu kuasa besar dalam menangani konflik<br>-Suara pemimpin negara bergolak tidak didengari pemimpin kuasa besar<br><br>Kesan jika Konflik gagal diatasi<br>-Krisis kemanusiaan akan berpanjangan apabila pencerobohan sentiasa berlaku<br>-Menyebabkan kematian orang awam<br>-Membawa kepada krisis ekonomi dan meningkatkan kadar kemiskinan<br>-Anak -anak kecil tercicir dalam Pendidikan<br>-Politik negara terlibat tidak stabil |

CIKGU WAN ARIF

<table>
<tr><th colspan="2">USAHA MENGEKALKAN KELESTARIAN GLOBAL</th></tr>
<tr><td colspan="2">Sebab/ Punca / Faktor Malaysia bersungguh-sungguh mengekalkan kelestarian global<br><br>-Ingin mengekalkan keasli alam sekitar<br>-Supaya boleh diwarisi generasi akan dating<br>-Untuk menangani kesan rumah hijau<br>-Menangani kerosakan dan penapisan ozon<br>-Mengatasi masalah pencemaran yang tidak terkawal<br>-Mengelakkan berlakunya masalah kemiskinan ekosistem<br>-Menggalakkan penggunaan tenaga baharu seperti tenaga solar</td></tr>
<tr><td colspan="2">Sumbangan Malaysia dalam mengekalkan kelestarian global di dunia<br><br>-Menangani isu alam sekitar terutamanya kesan rumah hijau<br>-Menangani isu pencemaran akibat aktiviti manusia yang tidak terkawal<br>-Melaksanakan Dasar Alam Sekitar sebagai asas pembangunan negara<br>-Mengadakan Dasar Teknologi Hijau<br>-Menggalakkan penggunaan produk berteknologi hijau untuk mengawal pencemaran<br>-Menyertai Sidang Kemuncak Bumi untuk membincangkan isu alam sekitar<br>-Menggalakkan penggunaan tenaga baharu seperti tenaga solar<br>-Menggesa Antartika dijadikan Warisan Sejagat<br>-Mengadakan Deklarasi Agenda 21<br>-Membincangkan pembangunan abad ke-21 untuk mengatasi masalah kemiskinan</td></tr>
<tr><th>ISU ANTARTIKA</th><th>DEKLARASI LANGKAWI</th></tr>
<tr><td>Penglibatan Malaysia dalam Isu Antartika<br><br>-Mencadangkan PBB mentadbir Antartika<br>-Segala bentuk hasil dibenua tersebut dikongsi semua negara<br>-Melakukan penyelidikan dan pembangunan di Antartika<br>-Memberi geran penyelidikan untuk menyelidik mengenai Antartika</td><td>Usaha negara untuk melaksanakan Deklarasi Langkawi<br><br>-Tujuan untuk memelihara alam sekitar<br>-Menangani isu alam sekitar terutamanya Kesan Rumah Hijau<br>-Melancarkan Dasar Teknologi Hijau Negara<br>-Menggalakkan penggunaan produk teknologi hijau<br>-Mengiktiraf Langkawi sebagai tapak warisan dunia<br>-Menggubal Undang-undang berkaitan alam sekitar<br><br>Contoh Soalan<br>Mengapakah Malaysia mengisytiharkan Deklrasi Langkawi ? (Trial Pahang)</td></tr>
</table>

***Sidang Kemuncak Bumi mengeluarkan Agenda 21** – dokumen penting bagi pengurusuan aktiviti manusia dalam sesebuah negara. Agenda ini menyentuh pembangunan abad ke-21 bgi mengatasi masalah kemiskinan.

*Disediakan oleh Cikgu Wan Arif*

CIKGU WAN ARIF